

Gasing plastik lebih selamat

MINATNYA bermain gasing sejak di bangku sekolah membuatkan Mohd. Jais Razali atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah mencari ilham bagi meningkatkan lagi permainan gasing.

Bagaimanapun minat terhenti seketika semasa beliau berkhidmat dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Bersara selepas 15 tahun berkhidmat, Pak Ngah kembali kepada niatnya untuk memartabatkan sukan tradisional gasing bukan saja di peringkat kampung malah sehingga ke peringkat kebangsaan dan ASEAN termasuk Thailand, Indonesia dan Brunei.

"Apabila gasing telah dimartabatkan sebagai satu permainan tradisional, timbul masalah untuk membekalkan gasing dalam kuantiti yang banyak," katanya semasa ditemui di Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di Cyberjaya baru-baru ini.

Pak Ngah yang dicungkil bakatnya melalui Jejak Inovasi menjelaskan, masalah juga timbul apabila gasing memerlukan kayu yang keras, kuat dan bermutu tinggi bagi mengelakkannya pecah semasa dipangkah.

"Masalah kami adalah untuk mendapatkan kayu yang bermutu tinggi yang akan meningkatkan kos gasing itu sendiri," katanya.

Ketika itu Pak Ngah melakukan pelbagai usaha untuk menghasilkan gasing menggunakan bahan lain selain kayu seperti aluminium, habuk papan dan sekam padi.

Malangnya semuanya tidak sesuai kerana tidak menepati berat dan ketahanan.

"Akhirnya Pak Ngah jumpa bahan plastik putih yang boleh dibeli di kedai hardware dengan harga RM480 semeter," katanya.

Pada mulanya Pak Ngah cuba melarik sendiri gasing tetapi ketiadaan peralatan, beliau mendapatkan bantuan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Apabila berjaya mendapatkan gasing seragam seperti yang diinginkan, Pak Ngah berharap lebih banyak pihak sekolah memasukkan gasing dalam kokurikulum mereka.

"Setakat ini penerimaan pihak sekolah dan ibu bapa amat menggalakkan kerana gasing plastik lebih selamat, tidak mudah pecah dan tahan lasak," katanya.

Pak Ngah berkata, kos bagi sebiji gasing kayu paling murah adalah RM220 dan tali kayu hutan dengan harga RM60. Manakala satu set gasing plastik dengan tali nilon berharga antara RM50 hingga RM100.

"Biasanya pemain memerlukan dua set gasing untuk pusing dan pangkah menyebabkan mereka yang menggunakan gasing kayu perlu menyediakan RM300 hingga RM600 bagi dua set gasing," katanya.

Pak Ngah berharap, setiap tahun akan muncul pemain gasing profesional dan permainan gasing akan pergi lebih jauh ke peringkat antarabangsa.

"Dengan adanya gasing plastik, sesiapa saja boleh main gasing kerana harganya yang murah berbanding kayu," katanya.

Pak Ngah menambah, pada masa hadapan dengan menggunakan gasing plastik, pemain dalam pertandingan tidak perlu lagi membawa gasing sendiri.

"Tidak lama lagi pihak penganjur perlu menyediakan gasing bagi pemain kerana semua gasing plastik adalah seragam dari segi bentuk dan berat," katanya.



MOHD. JAIS RAZALI

Kelebihan gasing plastik

- Selamat
- Tahan lasak
- Seragam
- Kos rendah

